

24 MAY 1997

Kelantan-Tanah

NIK AZIZ KECEWA DENGAN SIKAP PEMILIK TANAH DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 24 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas hari ini kesal dengan sikap pemilik tanah di negeri itu yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi melaksanakan projek pembangunan rakyat.

Menteri Besarnya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, terdapat pemilik tanah yang mengambil kesempatan menjual tanah milik mereka dengan harga tinggi hingga menyukarkan kerajaan negeri untuk melaksanakan kemajuan.

"Saya tak puas hati dengan tuan-tuan tanah di Kelantan kerana bila ada projek besar yang hendak kita buat, mereka tak mahu jual tanah dan ada yang letak harga semakin tinggi.. seolah-olah tiada sokongan moral daripada tuan tanah," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang kesal kerana terdapat sesetengah kerajaan negeri menyukarkan usaha kerajaan pusat untuk mengambil tanah bagi pembangunan.

Dr Mahathir berkata ada kerajaan negeri sanggup menjual tanah bagi membuat keuntungan jangka pendek daripada membenarkan kerajaan pusat memajukannya untuk faedah rakyat.

Nik Aziz berkata, tindakan pemilik tanah itu sebenarnya membebankan kerajaan kerana apabila harga tanah mahal sesuatu projek kemungkinan terpaksa dibatalkan dan sekiranya tiada pembangunan rakyat akan mengkritik kerajaan.

"Kadangkala tanah terbiar, tidak dilaksanakan langsung serta tiada hasil...(tetapi) tahu sahaja kita (kerajaan) hendak beli dia letak harga tinggi yang bukan-bukan," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir itu, beliau berkata kerajaan negeri tidak mempunyai sebarang masalah untuk bekerjasama dengan kerajaan pusat "malahan soal tanah ini kita selaras dengan kerajaan pusat".

Berhubung dengan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak swasta di negeri itu, Nik Aziz berkata kerajaan negeri meminta pelabur itu untuk berurusan sendiri dengan pemilik tanah.

Menurut beliau, bagaimanapun sekiranya berlaku sebarang masalah membabitkan pelabur dan pemilik tanah hingga menggagalkan urusan, kerajaan negeri akan campur tangan bagi mengatasinya. -- BERNAMA

RAR PR